

B595:  
MAHATHIR-PAS

158

1982

KUALA LUMPUR, 15 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELUAHKAN RASA KECIWANYA UNTUK MENGAJAK PAS MENYERTAI SEMULA BARISAN NASIONAL MEMANDANGKAN SAMBUTAN DINGIN OLEH PARA PEMIMPIN PARTI ITU.

+SAYA DAH JEMU NAK MENJAWAB SOALAN BILA LAGU SAYA NAK MEMPELAWA PAS MASUK BARISAN NASIONAL,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMPERNGERUSIKAN SIDANG MAJLIS TERTINGGI UMNO DI SINI.

+SAYA TELAH MEMBUAT KENYATAAN BEBARAPA KALI MENGAJAK PAS MENJADI ANGGOTA BARISAN NASIONAL TETAPI NAMPAKNYA SYA SAHAJA YANG HIDUNG TAK MANCUNG , PIPI TERSORONG-SORONG.+

APABILA DIJAWAB OLEH PEMBERITA YANG MENGAJUKAN SOALAN ITU BAHAWA HIDUNG BELIAU MANCUNG, DENGAN CEPAT PERDANA MENTERI MENJAWAB SECARA BERSELOROH, +MUNGKIN PADA PANDANGAN MATA PEMIMPIN PAS HIDUNG SAYA HEROT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MEMBUAT DUA KENYATAAN TERBUKA MEMPELAWA PAS MENYERTAI SEMULA BARISAN NASIONAL TETAPI DITOLAK OLEH PEMIMPIN PAS.

DITANYA MENGENAI LAPORAN TENTANG RAMAI ANGGOTA-ANGGOTA DAN PENYOKONG PAS MEMASUKI UMNO, BELIAU BERKATA JIKA SEMUA ANGGOTA DAN PEMIMPIN PAS MENJADI ANGGOTA UMNO, SUDAH TENTU ADA MASALAH. --  
BERNAMA 1710/IB